

Sasaran program ijazah lanjutan UPM

# 10,000 pelajar baru

>>Oleh Siti Fatimah Hassan

sfhassan@hmetro.com

**S**ERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) berhasrat mengambil sekurang-kurangnya 10,000 siswazah baru menjelang 2010 bagi pengajian peringkat ijazah lanjutan yang ditawarkan di universiti berkenaan.

Naib Canselor UPM, Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata jumlah kemasukan pelajar setakat ini sudah mencecah kira-kira 5,000 orang, termasuk pelajar dari beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada, Jepun, Perancis dan Finland.

Beliau berkata, semester pertama tahun ini mencatatkan pengambilan sulung pelajar dari Jerman, Sweden dan Korea Selatan selain mempunyai kumpulan terbesar pelajar dari Iran.

"Kami menerima 2,000 permohonan untuk semester

ini dan daripada jumlah itu, UPM menawarkan tempat kepada 1,700 calon. Dalam pada itu, kami berusaha meningkatkan lagi jumlah pelajar luar negara menerusi jalinan antarabangsa dan promosi laman web.

"Jumlah keseluruhan pelajar siswazah baru yang sudah mendaftar bagi semester ini melebihi 700 orang," katanya pada sidang media selepas Majlis bacaan Ikrar Pelajar Siswazah Baru UPM, di sini, semalam.

Hadir sama, Dekan Sekolah Pengajian Siswazah UPM, Profesor Dr Aini Ideris.

Nik Mustapha berkata, pada masa ini, UPM mempunyai kira-kira 1,400 tenaga pengajar termasuk pensyarah perubatan dan lebih 60 peratus daripadanya mempunyai kelayakan doktor falsafah (PhD).

Sehingga kini, bilangan graduan ijazah lanjutan sejak 1975 ialah seramai 921 graduan PhD dan 10,649 graduan sarjana.



MESRA...Nik Mustapha beramah mesra dengan pelajar siswazah baru UPM pada Majlis Bacaan Ikrar, semalam.